



## **SIARAN AKHBAR PENGUMUMAN**

---

### **TAKLIMAT BAKAL GRADUAN BAGI MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK BRUNEI KALI-4**

*Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam  
Hari Selasa, 30 Oktober 2018*

Politeknik Brunei akan mengadakan taklimat kepada bakal-bakal graduan bagi persediaan kepada Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Ke-4 yang akan diadakan pada awal bulan Disember 2018 ini nanti.

Sehubungan dengan itu, Politeknik Brunei menjemput bakal graduan yang akan menerima Diploma masing-masing di Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Ke-4 untuk hadir ke Sesi Taklimat tersebut yang akan diadakan pada:

Tarikh : Hari Sabtu, 3 November 2018

Bertempat : Dewan Kuliah (Lecture Theatre),  
Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul  
Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku, Gadong

Sesi taklimat tersebut akan dibahagi kepada dua sesi, seperti berikut:

- Sesi Pertama akan dimulakan pada jam 8.30 pagi bagi bakal graduan daripada Sekolah Sains dan Kejuruteraan, dan Sekolah Sains Kesihatan.
- Sesi Kedua akan dimulakan pada jam 1.30 petang bagi bakal graduan daripada Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan Sekolah Perdagangan.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut, sila layari laman sesawang rasmi Politeknik Brunei di alamat <http://www.pb.edu.bn>.